

03/05/1998

Urusan lapangan terbang perlu cekap

Radzi Wahab; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kecekapan mengendalikan urusan di lapangan terbang ditingkatkan bagi menarik lebih ramai pelancong dan pelabur ke negara ini.

Menurut Perdana Menteri, perkhidmatan itu boleh ditingkatkan seperti di negara jiran yang hanya mengambil masa lapan minit untuk urusan imigresen dan kastam, manakala penumpang boleh mengambil bagasi mereka dalam 20 minit.

"Kita bukan mahu membandingkannya. Kita mahu meningkatkan perkhidmatan. Jika orang lain boleh melakukan, kenapa tidak kita. Saya bukannya komplek, tetapi mengapa kita tidak boleh meningkatkan perkhidmatan kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kualiti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) Jabatan Perdana Menteri dan melancarkan buku Penggerak Jentera Pembangunan keluaran UPP unit itu, di sini semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Pengarah UPP, Datuk Syed Alwi Syed Nordin.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 24 orang pegawai kanan, pegawai dan kakitangan UPP dan cawangannya di seluruh negara.

Buku mengenai sejarah penubuhan dan perkembangan UPP itu memberi gambaran lebih jelas mengenai fungsi dan tugas UPP serta mengimbas sumbangannya dalam membantu menguruskan pelaksanaan dasar, program dan projek pembangunan negara dalam era Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan cekap perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa untuk menarik pelabur, membangunkan ekonomi dan secara langsung memberi pulangan dalam bentuk cukai.

"Kita perlu mencapai kualiti yang tinggi untuk memperoleh manfaat dalam bentuk wang, pangkat dan anugerah.

"Masih ada ruang untuk mencapai kualiti yang lebih tinggi dan jika ingin dihormati, perlu tingkat input untuk memajukan negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan akan mengkaji berdasarkan kes mengenai kemungkinan meningkatkan pemegangan saham asing dalam industri tempatan.

"Kami harus mengkajinya pada asas kes demi kes... jika kita mula membuka segala-galanya... akhirnya kita tidak akan mempunyai syarikat milik kita sendiri," katanya.

Beliau ditanya sama ada peningkatan pemegangan saham asing akan dibenarkan dalam industri lain selepas kerajaan memutuskan untuk membenarkan pihak luar negara memegang sehingga 61 peratus ekuiti dalam firma telekomunikasi daripada 49 peratus sekarang.

Kerajaan Khamis lalu mengumumkan ia membenarkan kenaikan dalam firma telekomunikasi untuk menggalak industri telekomunikasi.

(END)